



## **PERUTUSAN**

**YANG BERTHORMAT**

**DATO SERI SETIA AWANG HAJI MUHAMMAD JUANDA**

**BIN HAJI ABDUL RASHID**

**MENTERI PEMBANGUNAN**

**SEMPENA MEMPERINGATI HARI HABITAT SEDUNIA 2023**

**TEMA:**

***RESILIENT URBAN ECONOMIES.***

***CITIES AS DRIVERS OF GROWTH AND RECOVERY***

**(EKONOMI BANDAR YANG BERDAYA TAHAN.**

**BANDAR SEBAGAI PEMACU**

**PEMBANGUNAN DAN PEMULIHAN)**

**HARI ISNIN**

**2 OKTOBER 2023M / 16 RABIULAKHIR 1445H**

1. Setiap tahun, **pada hari Isnin pertama bulan Oktober**, Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan Negara lain dan *UN Habitat* atau *United Nations Human Settlements Programme* menyambut **Hari Habitat Sedunia**. Tujuan Hari Habitat Sedunia disambut adalah untuk memberi fokus pada keadaan penempatan dan hak asasi manusia untuk mendapat tempat tinggal yang mencukupi. Ini juga bertujuan untuk mengingatkan bahawa kita semua bertanggungjawab terhadap generasi habitat yang akan datang.

2. Pada tahun ini, **Hari Habitat Sedunia** jatuh pada **2 Oktober 2023**. Berdasarkan pada isu global semasa yang terjadi pada tahun ini yang mana ekonomi dunia khususnya di kawasan bandar menghadapi cabaran dan kesan yang berlarutan oleh impak pandemik Covid-19, tema yang dipilih oleh *UN Habitat* ialah ***Resilient Urban Economies. Cities as Drivers of Growth and Recovery*** atau **Ekonomi Bandar Yang Berdaya Tahan. Bandar sebagai Pemacu Pembangunan dan Pemulihan**.

3. Tahun 2023 telah menyaksikan kemelesetan ekonomi secara global dengan kemerosotan pada pertumbuhan ekonomi global iaitu sekitar 2.5% dan merupakan diantara kadar pertumbuhan yang paling rendah pada abad ini, selain dari impak krisis Covid-19 pada tahun 2020 dan krisis kewangan global pada tahun 2009.

4. Objektif utama Hari Habitat Sedunia pada tahun ini adalah untuk menangani pelbagai dimensi yang menyumbang pada kelembapan ekonomi. Ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti strategi yang boleh digunakan oleh bandar untuk merangsang pemulihan ekonomi dan memupuk daya tahan dalam menghadapi kesukaran.

5. Saya ingin menarik perhatian bahawa beberapa program dan inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah berkaitan dengan agenda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berdaya tahan.

6. Dalam perancangan projek-projek RKN 12, tumpuan adalah diberikan bagi Negara Brunei Darussalam mencapai pertumbuhan ekonomi pada pembangunan infrastruktur termasuk perumahan, dengan tujuan penjana ekonomi pada sektor pembinaan dan seterusnya menawarkan peluang pekerjaan kepada Syarikat-Syarikat dan anak-anak tempatan.

7. Untuk mencapai sasaran 85% kadar pemilikan rumah atau *home ownership rate* menjelang tahun 2035, Kementerian Pembangunan sedang berusaha untuk memastikan Skim Perumahan Negara mempunyai daya maju kewangan dalam jangka masa panjang dengan

model kewangan yang lebih kos efektif dan mampan dalam penghasilan rumah.

8. Konsep ekonomi bandar yang berdaya tahan adalah diantara agenda yang perlu difikirkan secara holistik melalui pendekatan *Whole-of-Nation* di kesemua agensi Kerajaan dan Swasta yang berkenaan bagi menentukan hala tujuan pembangunan pada masa hadapan.

9. Disamping itu juga, Kementerian Pembangunan akan terus komited bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dengan mampan termasuklah pembangunan yang lebih berdaya tahan.

10. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pembangunan untuk mendokong perkara ini melalui matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu Kehidupan Rakyat yang Berkualiti Tinggi bagi meningkatkan kualiti kehidupan Rakyat kearah pembangunan negara yang lebih progresif.

SEKIAN